AUTHOR: No author available SECTION: NASIONAL PAGE: 15 PRINTED SIZE: 405.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: AUD 4,845.00 ITEM ID: MY0068875370



19 APR, 2026

Kenaikan bantuan legakan pekebun

Berita Harian Ahad, Malaysia

Kenaikan bantuan legakan pekebun

Langkah mampu kurangkan kos usaha kebun, beri pulangan baik



Kadar bantuan tanam semula getah dinaikkan

Keratan akhbar BH semalam.

Kuala Lumpur: Langkah kerajaan menaikkan kadar bantuan Program Tanam Semula Getah memberi kelegaan kepada pekebun kecil yang berdepan cabaran peningkatan kos dan ketidaktentuan harga komoditi.

Tinjauan *BERNAMA* mendapati kebanyakan pekebun kecil menzahirkan penghargaan terhadap usaha kerajaan dalam memperkukuh daya tahan golongan itu, sekali gus membantu meningkatkan pengeluaran getah negara.

Di **Pahang**, pekebun getah, Adnan Husin, 54, berkata kenaikan kadar bantuan itu meringankan beban untuk melaksanakan proses tanam semula serta meningkatkan hasil pada masa hadapan.

"Sebelum ini, pekebun mungkin terpaksa menangguhkan hasrat menanam semula getah kerana memikirkan perbelanjaan besar yang perlu dikeluarkan. Kini mereka boleh melakukannya kerana menjangkakan pulangan lebih baik berbanding menoreh pokok tua," katanya.

Seorang lagi pekebun, Husin Mohamad, 63, berkata kenaikan bantuan itu membolehkannya mengelakkan daripada berhutang bagi tujuan penanaman semula.

"Pokok getah saya banyak yang sudah tua dan hasilnya berkurangan. Dengan bantuan ini, usaha menanam semula menjadi lebih mudah," katanya.

Di **Kedah**, Rodhi Md Rejab, 49, dari FELDA Laka Selatan, Jitra, menyifatkan langkah itu sebagai positif dalam memperkukuh industri getah serta meringankan beban pekebun kecil.

Bagaimanapun, beliau berharap perhatian turut diberikan kepada penoreh upahan yang bekerja di kebun milik orang lain kerana golongan itu antara paling terkesan dengan peningkatan kos sara hidup.


Kos baja, racun meningkat

Sementara itu, Mohd Zaki Othman, 56, dari Padang Terap, berkata kenaikan bantuan membantu mengurangkan kos pembangunan kebun susulan kenaikan harga baja dan racun.

"Bantuan lebih tinggi ini dapat memastikan pekebun terus mengusahakan kebun walaupun industri getah semakin mencabar, sekali gus membantu mereka keluar daripada belenggu kemiskinan," katanya.

Di **Johor**, Pengerusi Persatuan Kebangsaan Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia (PKPKM) negeri, Khairul Aman Mohd Shah, berkata langkah itu mampu menarik minat anak muda menceburi sektor komoditi berkenaan.

Beliau berkata, usaha itu penting bagi memastikan kesinambungan industri getah serta melahirkan generasi pelapis yang dapat meningkatkan pengeluaran negara.



Bantuan tanam semula membantu pekebun kecil menggantikan pokok getah yang sudah tua. (Foto hiasan)

"Kita pernah menjadi pengeluar getah utama dunia dan tidak mustahil untuk mengembalikan kegemilangan itu," katanya.

Pada masa sama, beliau mencadangkan kerajaan memperkukuh aspek pemasaran bagi memastikan harga getah lebih stabil sekali gus menggalakkan peningkatan produktiviti.

Kelmarin, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata kenaikan kadar bantuan Program Tanam Semula Getah bagi Semenanjung Malaysia dan Sabah dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) mencerminkan usaha berterusan kerajaan membantu pekebun kecil.

Beliau berkata, kadar bantuan di Semenanjung dinaikkan daripada RM13,710 sehektar kepada RM20,000 sehektar, manakala di Sabah meningkat daripada RM14,955 sehektar kepada RM23,000 sehektar. BERNAMA

© Rural Press Pty Limited. No redistribution is permitted. This content can only be copied and communicated with a copyright licence.

AUTHOR: No author available SECTION: NASIONAL PAGE: 15 PRINTED SIZE: 405.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: AUD 4,845.00 ITEM ID: MY0068875370



19 APR, 2026

Kenaikan bantuan legakan pekebun

Berita Harian Ahad, Malaysia

SUMMARIES

Langkah mampu kurangkan kos usaha kebun, beri pulangan baik
Kuala Lumpur: Langkah kerajaan menaikkan kadar bantuan Program Tanam Semula Getah memberi kelegaan kepada pekebun kecil yang berdepan cabaran peningkatan kos dan ketidaktentuan harga komoditi. Tinjauan BERNAMA mendapati kebanyakan pekebun kecil menzahirkan penghargaan terhadap usaha kerajaan dalam memperkukuh daya tahan golongan itu, sekali gus membantu meningkatkan pengeluaran getah negara.

© Rural Press Pty Limited. No redistribution is permitted. This content can only be copied and communicated with a copyright licence.